

## JADUAL (TIMELINE) PROSES PERMOHONAN KAMSIS SESI DISEMBER 2020

Makluman tarikh-tarikh penting bagi Proses Permohonan Kamsis Sesi Disember 2020. Semua pelajar yang berkenaan, mohon ambil perhatian. Berikut adalah jadual Proses Urusan Permohonan Kamsis Sesi Disember 2020 untuk rujukan:-

TARIKH	HARI	PERKARA
21.10.2020	RABU	Makluman dan hebahan TIMELINE Proses Permohonan KAMSIS sesi Disember 2020 dikeluarkan ( melalui SPMP dan sosial media)
22.10.2020	KHAMIS	Permohonan penempatan kamsis dibuka secara atas talian (online) di portal SPMP (ikamsis)
05.11.2020	KHAMIS	Permohonan penempatan kamsis secara atas talian ditutup.
12.11.2020	KHAMIS	Tarikh akhir menghantar dokumen sokongan ke Pejabat Kamsis.
03.12.2020	KHAMIS	Keputusan penempatan Kamsis dikeluarkan

## GARIS PANDUAN PENETAPAN PENGHUNI KOLEJ KEDIAMAN POLITEKNIK TUANKU SULTANAH BAHIYAH

### BAHAGIAN A: PEMILIHAN PENEMPATAN KAMSIS

1. Pemilihan dibahagikan kepada lima (5) kategori.
2. Kategori 1: Bilik Khas yang disimpan khas untuk pelajar antarabangsa, Pelajar Kelainan Upaya (OKU) atau sakit yang kronik dan bilik simpanan.
3. Kategori 2: Semua pelajar baharu semester 1 ditawarkan secara automatik mengikut norma kemasukan ke Politeknik oleh pihak JPPKK kecuali menolak tawaran asrama.
4. Kategori 3: Ahli Jawatan Kuasa yang terdiri daripada:
  - i. Jawatankuasa Pelajar Kolej Kediaman (JPKK)
  - ii. Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)
  - iii. Jawatankuasa Pelajar Pusat Islam (JPPI)
  - iv. Jawatankuasa Pendaftaran Hal Ewal Pelajar (JPHEP)
  - v. Jawatankuasa Sukarelewan YES Politeknik (YES)
  - vi. Jawatankuasa Pembimbing Rakan Siswa (PRS)

Bagi kategori ini setiap jawatankuasa adalah layak ditawarkan secara penuh dan automatik. Jawatankuasa ini juga adalah merangkap Pemudah Cara (PC) Minggu Haluan Siswa (MHS) yang terpilih.

5. Kategori 4: ditawarkan kepada pelajar aktif dalam sukan, kelab dan persatuan di peringkat politeknik yang terdiri daripada:

- i. Jawatankuasa Usahawan Kampus (UKAS)
- ii. Angkatan Kebudayaan dan Kesenian (AKSI)
- iii. Jawatankuasa Sahabat YADIM
- iv. Jawatankuasa Teknologi Hijau
- v. Angkatan Wataniah
- vi. Pengakap
- vii. Relasis
- viii. PISPA
- ix. Kelab Pengantarabangsaan
- x. Kelab Penyelidikan dan Inovasi
- xi. Kelab Multimedia
- xii. Kelab Debat Bahasa Melayu/ Inggeris

Bagi kategori ini, setiap jawatankuasa telah ditetapkan kuota kelayakan (seperti di lampiran) dan berdasarkan senarai nama yang dicadang dan disokong oleh setiap penasihat kelab, persatuan dan jawatankuasa.

6. Kategori 5: ditawarkan kepada pelajar senior mengikut baki tempat yang tinggal setelah kategori-kategori di atas dipenuhi. Pemilihan dilaksanakan melalui pemberat pendapatan keluarga, jarak rumah dari politeknik, pointer serta wajib bebas daripada rekod masalah disiplin.

## **BAHAGIAN B: PROSES IKLAN TAWARAN KAMSIS**

1. Iklan tawaran tempat di kamsis **dikeluarkan pada minggu ke-10** pengajaran dan pembelajaran (PdP) melalui memo rasmi dan hebahan di laman web rasmi, portal pelajar dan media sosial. Borang tawaran kamsis dikeluarkan secara atas talian (online) dan dokumen sokongan perlu dihantar ke pejabat kamsis sebelum tarikh tutup. Tempoh permohonan kamsis diberi selama tiga (3) minggu.
2. Tarikh tutup tawaran kamsis adalah pada minggu ke-12 PdP.
3. Permohonan tempat di kamsis akan diproses oleh pihak warden dan pengurusan kamsis pada minggu ke-13 hingga minggu ke-14.
4. Keputusan permohonan kamsis akan dikeluarkan secara atas talian (online) pada minggu ke-15 PdP.

## **BAHAGIAN C: PROSES RAYUAN TEMPAT DI KAMSI**

1. Rayuan kamsis boleh dibuat secara manual dengan mengisi borang yang dikeluarkan di pejabat kamsis pada minggu pertama PdP semester baharu.
2. Tarikh tutup rayuan kamsis adalah pada minggu ke-2 PdP semester baharu.
3. Proses pemilihan rayuan kamsis dilaksanakan pada minggu ke-3 PdP.
4. Keputusan rayuan tempat di kamsis dikeluarkan pada minggu ke-4 PdP.